

**TEKS UCAPAN  
Y. BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**Majlis Anugerah Sukan Staf UTeM 2019**

4 Nov. 2020 (Rabu), 12.00 tengahari  
Bilik Jamuan Utama, Canselori

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatu dan  
Salam Sejahtera

**1. Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurul Fajar bin Abdul  
Manap**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**2. Yang Berusaha Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**

Ketua Pegawai Maklumat

Merangkap Ketua Kontinjen Sukan Staf UTeM

Halaman 2 daripada 15

**3. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Sanusi bin Azmi**

Pengarah Pusat Sukan

**4. Yang Berusaha Encik Zainal bin Bidin**

**Timbalan Pendaftar Kanan HEP**

Merangkap Pengerusi Badan Kebajikan Staf UTeM  
(BAKUTeM)

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, dapat kita berkumpul pada hari ini bagi menyempurnakan Majlis Anugerah Sukan Staf 2019 atau singkatan nya MASS.
2. Walaupun penganjuran majlis kali ini berbeza dari tahun-tahun sebelum ini, dengan skala penganjuran yang lebih sederhana dan tertutup, kerana kepatuhan SOP dalam norma baharu, namun saya amat yakin, semangat kesukanan warga UTeM ini tidak pernah luntur sama sekali.

3. Saya amat memahami, sejak penularan Pendemik COVID-19 melanda negara kita, pelbagai aktiviti kesukanan tidak dapat dianjurkan sepertimana kebiasaan. Kejohanan dan pertandingan yang lazimnya dianjurkan di peringkat Universiti mahupun agensi luar terpaksa ditunda dahulu.
4. Pelaksanaan ini bagi memastikan kesihatan dan keselamatan kita semua sentiasa terpelihara, selain membolehkan usaha kita dalam memutuskan rantai pendemik ini dapat dilakukan dengan berkesan.

5. Sepertimana yang semua sedia maklum, Negara kita kini berada di dalam gelombang ketiga penularan virus COVID-19, dan berdasarkan arahan MKN, bagi kawasan zon merah PKPB, semua aktiviti riadah, rekreasi dan budaya tidak dibenarkan untuk dilaksanakan.
  
6. Walau bagaimanapun, pelaksanaan arahan ini tidak terkesan dengan keberadaan kita di UTeM, yang mana kita masih berada dalam zon yang kurang terjejas dan masih diklasifikasikan selamat. Kita masih dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti riadah termasuklah sukan.

7. Namun, perlu diingatkan agar kita semua sentiasa mematuhi arahan dan SOP yang ditetapkan, pilihlah aktiviti sukan yang tidak memerlukan kita bersentuhan antara satu sama lain dan tanpa melibatkan penyertaan yang ramai.

## **Hadirin dan hadirat sekalian,**

8. Penganjuran Majlis Anugerah Sukan Staf peringkat Universiti ini amatlah signifikan ke arah mewujudkan suatu acara berprestij dalam bidang sukan. Disinilah kita mengiktiraf dan meraikan kejayaan para atlet dan pasukan yang telah meraih kejayaan dalam acara sukan yang dipertandingkan, secara langsung mengharumkan nama Universiti di persada sukan kebangsaan mahupun antarabangsa.



9. Alhamdulillah, untuk rekod 2019, kontinjen staf UTeM telah merangkul pelbagai kejayaan dalam pertandingan sukan, antaranya:

- a. Beroleh **4 Perak** dan **2 Gangsa** pada **Sukan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN)**, menerusi acara bola Sepak Veteran, Olahraga 4 x 100 meter, 100 meter kategori lelaki dan wanita, Dart dan Boling Padang.

b. Seterusnya, penyertaan dalam **Sukan Antara Jabatan Kerajaan dan Agensi Negeri Melaka (SAJNM)**, kontinjen UTeM berjaya merangkul **2 Emas** menerusi acara Ping Pong dan Bola Jaring dan **2 Gangsa** untuk Badminton dan Bola Tampar Wanita. Tahniah diucapkan.

10. Berdasarkan kepada pencapaian yang membanggakan ini, maka melalui majlis petang ini, Universiti akan menyampaikan 8 kategori anugerah sukan sebagai simbol penghargaan dan terima kasih di atas segala sumbangan yang telah diberikan kepada Universiti.
11. Semoga anugerah ini menjadi pembakar semangat kepada semua warga Universiti dalam meneruskan kecemerlangan agenda sukan di UTeM.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pembangunan Sukan Staf UTeM yang diketuai oleh Kontingen Sukan Staf UTeM, Encik Mohd Isa bin Mohd Dom bersama-sama Pusat Sukan yang telah bertungkus lumus dalam mencorak pembangunan sukan staf UTeM. Tidak lupa juga kepada barisan Mentor – Mentor Sukan dan Pengerusi-Pengerusi Sukan Staf yang telah banyak membantu untuk membangunkan sukan staf di UTeM.

13. Teruskan momentum cemerlang ini. Semoga segala kudrat dan usaha kita selama ini mampu melonjakkan nama UTeM dipersada arena sukan Universiti serta membudayakan amalan gaya hidup sihat dikalangan warga UTeM.
  
14. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini juga merakamkan ucapan setinggi – tinggi tahniah dan syabas kepada penerima Anugerah Sukan Staf 2019.

15. Terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada Pusat Sukan UTeM yang telah menjayakan pelbagai program kesukanan sama ada di peringkat UTeM mahupun di peringkat Negeri, Kementerian, Kebangsaan sehinggalah ke peringkat Antarabangsa.
16. Diharapkan menerusi penglibatan aktif dalam bidang kesukanan ini, seluruh warga UTeM dapat menerapkan amalan gaya hidup yang lebih sihat, sekaligus mendorong ke arah kehidupan yang lebih seimbang dan berkualiti.

Dari Banda Hilir ke Batu Pahat,  
Singgah berhenti membeli dulang,  
Sukan melahir warga yang sihat,  
Memacu Universiti lebih terbilang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini  
merasmikan Majlis Anugerah Sukan Staf (MASS 2019).

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.  
Terima kasih.